

**Waqf Trust as an Islamic Asset Management Instrument:
Challenges and Opportunities in Malaysia**

**WAKAF AMANAH SEBAGAI INSTRUMEN PENGURUSAN HARTA ISLAM: CABARAN DAN
PELUANG DI MALAYSIA**

Ahmad Ikmaluddin Ibrahimⁱ, Faezy Adenanⁱⁱ, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arifⁱⁱⁱ, Wan Noor Hazlina
Wan Jusoh^{iv} & Mohd Afandi Mat Rani

ⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. ikmalibrahim1757@gmail.com

ⁱⁱ [Corresponding author]. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. faezyadenan@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia. izzatamsyar@ukm.edu.my

^{iv} Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 23000 Kuala Dungun, Terengganu. wanno561@uitm.edu.my

^v Profesor, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan. mohdafandi@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Waqf trust or waqf after death has the potential to contribute to socio-economic development; however, its implementation in Malaysia faces various challenges, particularly in asset management and legal inconsistencies. This study aims to explore the challenges and potential of managing waqf after death and to propose solutions for improving its effectiveness. There is a lack of a comprehensive legal framework, as well as limited public awareness and insufficient active involvement from authorities in managing waqf after death. The main objective of this study is to analyze the factors influencing waqf management after death and to suggest practical solutions for its improvement. This research uses a qualitative approach through literature analysis on legal aspects and waqf management practices. The findings indicate that inconsistent regulations and a lack of professional training in waqf management are among the key obstacles. This study suggests establishing a standardized legal framework nationwide, along with incentives for active government and State Islamic Religious Council (MAIN) involvement. These findings provide recommendations for policymakers and waqf administrators to develop a more professional and efficient waqf management system, ultimately maximizing its social and economic impact in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf Trust, Conditional Waqf, Temporary Waqf, Asset Management, Legal Framework</i></p>
Abstrak	<p><i>Wakaf amanah atau wakaf selepas kematian mempunyai potensi untuk menyumbang dalam pembangunan sosio-ekonomi, tetapi pelaksanaannya di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam pengurusan aset dan ketidakseragaman perundangan. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik cabaran dan potensi dalam pengurusan wakaf amanah selepas kematian serta mencadangkan penyelesaian untuk meningkatkan keberkesannya. Terdapat kekurangan rangka kerja undang-undang yang menyeluruh, serta kurangnya kesedaran masyarakat dan penglibatan aktif pihak berkuasa dalam pengurusan</i></p>

	<p>wakaf selepas kematian. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan wakaf amanah selepas kematian dan mencadangkan pendekatan penyelesaian untuk meningkatkan keberkesannya. Kaedah yang digunakan melibatkan analisis kualitatif melalui kajian literatur berkaitan undang-undang dan amalan pengurusan wakaf. Hasil kajian menunjukkan bahawa undang-undang yang tidak seragam dan kekurangan latihan profesional dalam pengurusan wakaf adalah antara halangan utama. Kajian ini mencadangkan supaya rangka kerja undang-undang yang seragam di seluruh negara diperkenalkan, bersama-sama dengan insentif untuk penglibatan aktif pihak kerajaan dan MAIN. Penemuan ini memberi saranan kepada pembuat dasar dan pengurus wakaf untuk memperkukuh sistem pengurusan yang lebih profesional dan berdaya saing, dengan harapan dapat mempertingkatkan impak sosial dan ekonomi melalui pengurusan wakaf selepas kematian yang lebih cekap di Malaysia.</p> <p>Kata kunci: <i>Wakaf Amanah, Wakaf Bersyarat, Wakaf Bertempoh, Pengurusan Aset, Rangka Kerja Undang-Undang</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Perenggan Pernahkah kita terfikir, bagaimana harta yang kita miliki hari ini boleh terus memberi manfaat walaupun selepas hayat kita berakhir? Dalam keindahan ajaran Islam, wakaf menjadi jambatan yang menghubungkan dunia dan akhirat, sebuah pelaburan di akhirat kelak yang tidak hanya membawa pahala kepada pewakaf, tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakat sepanjang zaman (Ahmad Termizi, 2019). Pembangunan masyarakat yang kukuh dalam dunia Islam memerlukan perkembangan selari dalam pengurusan harta dan kekayaan. Untuk memastikan masyarakat yang utuh, bertanggungjawab sepenuhnya kepada sesama masyarakat bagi mampu menyokong keadilan sosial, ia tidak boleh bergantung semata-mata atau terutamanya kepada dana kerajaan semata. Sebaliknya, ia memerlukan keupayaan untuk menggerakkan sumber tempatan dengan berkesan dan teliti (Weiss, 2020). Menurut Rosadi (2019), sumbangan dengan tujuan amal jariah terdapat dalam salah satu daripada lima rukun Islam dan wajib bagi umat Islam iaitu zakat. Namun begitu, instrumen lain juga wujud bagi memastikan sumber kekayaan itu dapat di uruskan dengan mengikut niat asal pemilik harta tersebut. Antaranya adalah wakaf yang juga bertujuan untuk mengurangkan jurang sosial dan kemiskinan (Pervin & Noman, 2021). Namun, di masa perubahan pesat dunia moden, adakah sistem wakaf kita mampu bergerak seiring dengan keperluan semasa?

Pengurusan wakaf tradisional sering kali tertumpu kepada aset tetap seperti tanah atau bangunan, di mana kegunaannya ditentukan secara langsung oleh pewakaf. Walaupun kaedah ini telah terbukti berkesan selama berabad-abad, ia mungkin kurang fleksibel dalam memenuhi 2 keperluan masyarakat yang dinamik dan berubah-ubah. Pendekatan ini menghadapi cabaran dalam konteks ekonomi moden yang memerlukan fleksibiliti dan inovasi dalam pengurusan aset. Menurut Laldin dan Furqani (2016), terdapat keperluan untuk memperkenalkan instrumen wakaf yang lebih dinamik bagi memenuhi keperluan semasa. Sebagai contoh, konsep wakaf tunai telah diperkenalkan untuk membolehkan pewakaf menyumbang dalam bentuk wang, yang kemudiannya boleh dilaburkan dalam pelbagai instrumen kewangan patuh syariah. Hasil daripada pelaburan ini digunakan untuk tujuan kebajikan yang ditetapkan oleh pewakaf, menjadikan pengurusan wakaf lebih fleksibel dan berdaya saing dalam ekonomi semasa (Kahf, 2014). Selain itu, integrasi teknologi dalam pengurusan wakaf, seperti penggunaan platform digital untuk pengumpulan dan pengagihan dana, telah meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan aset wakaf (Mohammad & Mar Iman, 2020). Peralihan daripada model wakaf tradisional kepada instrumen seperti wakaf tunai dan wakaf saham mencerminkan adaptasi pengurusan harta Islam terhadap keperluan masyarakat moden. Wakaf tunai membolehkan individu mewakafkan sejumlah wang yang kemudiannya

dilaburkan dalam aktiviti ekonomi yang produktif, menghasilkan pulangan yang boleh digunakan untuk tujuan kebajikan. Pendekatan ini menawarkan fleksibiliti dan aksesibiliti yang lebih tinggi berbanding wakaf tradisional yang biasanya melibatkan aset tetap seperti tanah atau bangunan (Cizakca, 1998). Selain itu, wakaf saham membolehkan pelabur mewakafkan saham syariaah atau keuntungan daripada pelaburan saham tersebut, yang kemudiannya diurus oleh institusi wakaf untuk manfaat masyarakat (Hassan & Shahid, 2010). Kedua-dua instrumen ini telah menunjukkan potensi dalam meningkatkan sumbangan wakaf kepada pembangunan sosioekonomi, dengan peningkatan jumlah wakaf tunai dan wakaf saham yang dikumpulkan serta disalurkan kepada projek-projek kebajikan dan pembangunan komuniti (Mohammad & Iman, 2006).

Secara tidak langsung pembaharuan dan aplikasi yang lebih kontemporari ini lebih mendapat perhatian dan meningkatkan kesedaran terhadap kontribusi wakaf dalam pengurusan harta pusaka selain daripada bergantung kepada fariad sahaja. Justeru itu PNB (2020) telah mengenal pasti bahawa terdapat permintaan terhadap wakaf selepas kematian dalam kalangan pelanggan mereka. Struktur yang khusus bagi pemberian wakaf selepas kematian belum lagi ada di Malaysia. Oleh itu pengkaji berusaha mengkaji kehendak yang di inginkan oleh masyarakat dalam melaksanakan wakaf selepas kematian mereka. Justeru, konsep wakaf amanah dicadangkan, bagi membawa pendekatan baharu dalam pengurusan harta wakaf dengan menggabungkan elemen kepercayaan dan profesionalisme.

Dalam era pengurusan harta pusaka yang semakin moden, pendekatan seperti wakaf mula mendapat tempat sebagai alternatif yang holistik, melengkap sistem faraid tradisional. Penekanan kepada inovasi dan aplikasi kontemporari ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap manfaat wakaf, tetapi juga menggalakkan penggunaan harta secara lebih strategik dan berterusan. Menurut Permodalan Nasional Berhad (PNB, 2020), permintaan terhadap wakaf selepas kematian dalam kalangan pelanggan semakin meningkat, mencerminkan perubahan paradigma masyarakat dalam perancangan harta pusaka. Namun begitu, Malaysia masih belum memiliki kerangka khusus yang mengatur pemberian wakaf selepas kematian bagi harta pusaka. Kekosongan ini memberi ruang untuk kajian mendalam bagi memahami keperluan dan kehendak masyarakat terhadap mekanisme wakaf yang lebih inklusif dan mesra pengguna. Sebagai respons terhadap keperluan pengurusan harta pusaka yang lebih efisien dan telus, konsep wakaf amanah telah diperkenalkan, menggabungkan elemen wakaf bersyarat dengan amanah sivil. Pendekatan ini bertujuan memastikan pengurusan harta wakaf dilaksanakan secara profesional, berintegriti, dan berkesan, sekali gus memaksimumkan manfaat kepada masyarakat penerima. Inisiatif sedia ada seperti wakaf ASNB menjadi contoh utama, di mana pelabur diberi peluang untuk mewakafkan unit amanah 3 mereka. Langkah ini memastikan legasi kebajikan berterusan, walaupun selepas pemilik asal meninggal dunia (ASNB, 2023). Namun demikian, Wakaf ASNB secara khusus tertumpu kepada produk unit amanah. Ini menimbulkan keperluan untuk meneroka mekanisme wakaf yang melibatkan aset lain, termasuk harta tidak alih seperti tanah dan rumah serta harta alih seperti tunai dan saham. Maka, kajian ini pengembangan konsep wakaf amanah ini adalah penting untuk merangkumi pelbagai jenis aset bagi memenuhi kehendak masyarakat yang semakin kompleks. Dalam konteks ini, pengenalan struktur pengurusan yang lebih menyeluruh adalah kritikal untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan wakaf. Tambahan pula, usaha ini selaras dengan inisiatif yang digerakkan oleh Yayasan Wakaf Malaysia (2024), yang menekankan kepentingan memperkenalkan produk wakaf inovatif yang relevan dengan keperluan semasa. Dengan memperluas skop wakaf amanah, pengurusan harta wakaf dapat diperkasa, bukan sahaja sebagai instrumen kebajikan tetapi juga sebagai alat pembangunan sosial dan ekonomi yang mampan. Penyelidikan lanjut dalam bidang ini mampu memberikan panduan strategik bagi merangka dasar dan amalan terbaik dalam pengurusan harta pusaka Islam, seterusnya memacu transformasi terhadap wakaf di Malaysia. Kajian ini berfokus kepada pengurusan wakaf selepas kematian di Malaysia, khususnya dalam konteks penerapan

konsep wakaf amanah yang melibatkan pelbagai jenis aset. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang merujuk kepada kajian-kajian lepas dan literatur yang berkaitan untuk menganalisis isu-isu semasa dan keperluan masyarakat dalam pengurusan wakaf selepas kematian.

DEFINISI WAKAF DAN AMANAH SECARA UMUM

Wakaf berasal dari perkataan Arab waqf berdasarkan kata terbitan (masdar) dari wakafa, dimana mewakili berbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat tersebut. Wakaf disini membawa maksud berhenti berhenti, menahan atau menghalang dan mengekang (Mohiddin & Kurniawan, 2022; Allamah et al., 2021). Dalam istilah syariah, wakaf merujuk kepada pemindahan hak milik harta oleh seorang individu untuk kegunaan umum atau khusus dengan niat kebajikan yang berterusan. Harta yang diwakafkan mestilah harta peribadi seperti sebidang tanah atau wang tunai untuk tujuan kebajikan dan pemberiannya secara kekal atau untuk tempoh masa yang ditetapkan seperti mana diniatkan oleh pewakaf. Amalan berwakaf adalah sebahagian daripada amalan dermawan (sedekah jariah) yang memberikan ganjaran berterusan kepada pewakaf selagi harta wakaf itu memberi manfaat kepada masyarakat. Berdasarkan hadis Imam Al-Nawawi:

{ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }

Maksudnya: "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya." (Riwayat Muslim (1631), al-Nasa'i (3651), al-Tirmizi (1376) dan Abu Daud (2880)).

Oleh itu, wakaf secara istilahnya merujuk kepada suatu amalan pemberian harta bagi tujuan kebajikan yang dilakukan oleh seseorang individu dengan niat mendapatkan ganjaran daripada Allah (SWT) di akhirat kelak. Berdasarkan prinsip qurbah (ketaqwaan), wakaf tidak hanya melibatkan hubungan antara manusia dan penciptanya, tetapi juga mempunyai dimensi sosial yang erat dalam membentuk hubungan sesama manusia melalui semangat persaudaraan, kasih sayang, dan kerjasama (Sulaiman, 2008). Dalam konteks ini, wakaf memainkan peranan penting dalam menggalakkan kemajuan bersama dalam masyarakat. Menurut Nadwi (2015), institusi wakaf mempunyai dua objektif utama. Pertama, dari segi rohani, wakaf memberikan peluang kepada penderma untuk meraih pahala yang berterusan tanpa batas waktu. Kedua, ia memberikan pelbagai manfaat sosial dan ekonomi kepada masyarakat, terutama kepada golongan yang kurang berkemampuan. Oleh itu, wakaf, yang disebut juga sebagai sadaqah jariyah (amal jariyah) dalam sebuah hadith (Muslim, 1998), menjadi lebih menarik bagi umat Islam kerana ia menawarkan ganjaran yang kekal di akhirat berbanding dengan amal jariyah biasa yang hanya memberikan manfaat di dunia sahaja. Ciri kekal atau berterusan ini jelas terlihat dalam pendekatan progresif dalam pembangunan aset wakaf. Setiap aset wakaf seharusnya tidak dibiarkan terbiar, tetapi mesti dimanfaatkan untuk menjana pulangan yang berterusan bagi manfaat penerima manfaatnya (Hasan & Sulaiman, 2016). Konsep ini bertujuan memastikan agar wakaf dapat berkembang dan memberikan impak positif secara berterusan. Seperti yang ditegaskan oleh Kahf (1999), manfaat berulang yang diperoleh daripada wakaf boleh digunakan sebagai mekanisme untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam dan mengurangkan kemiskinan serta kesulitan di kalangan golongan yang memerlukan. Dengan itu, wakaf bukan sahaja berfungsi sebagai saluran kebajikan, tetapi juga sebagai instrumen utama dalam pembangunan sosial yang mampan.

Sementara itu, perkataan amanah berasal dari kata terbitan al-amnu yang bermaksud keamanan dan ketenangan (Abdullah & Muhammad, 2020). Amanah secara praktisnya bermaksud sesuatu yang perlu dipelihara, dijaga dan menguruskan sesuatu

yang dipertanggungjawabkan oleh pihak lain dengan jujur dan berintegriti (Ahmad Mustafa, 1946). Dari segi istilah, amanah merupakan penerimaan tanggungjawab. Dalam konteks undang-undang, amanah bermaksud pemegang amanah memegang atau menguruskan aset bagi pihak penerima manfaat (beneficiary). Istilah tanggungjawab bermaksud seorang pemegang amanah memastikan harta di bawah penjagaannya tidak bertukar milik kepada sesiapa sama ada dirinya mahupun penerima manfaat sehingga waktu yang dijanjikan. Konsep ini melibatkan pihak yang diberi kepercayaan untuk melaksanakan peranannya mengikut syarat yang telah ditetapkan (Said et al., 2019).

MEMAHAMI WAKAF AMANAH

Wakaf amanah merupakan gabungan antara dua konsep penting dalam pengurusan harta wakaf, iaitu wakaf bersyarat dan pengamanahan. Wakaf bersyarat, atau lebih dikenali sebagai wakaf mu'qqat, merujuk kepada wakaf yang dilaksanakan dengan syarat tertentu yang ditetapkan oleh pewakaf, seperti tempoh masa penggunaan atau tujuan tertentu yang mesti dipenuhi. Dalam pandangan majoriti fuqaha, khususnya dari mazhab Shafi'i dan al-Zahiriyyah, serta beberapa pandangan dari Syiah Imamiyyah, unsur "kekal" dianggap sebagai syarat utama bagi kesahihan wakaf. Mereka berpendapat bahawa wakaf yang dibatasi oleh tempoh tertentu dianggap tidak sah kerana ia bertentangan dengan prinsip kekekalan dalam wakaf (Ab Rahman et al., 2020; Nor et al., 2019).

Namun, terdapat pandangan berbeza dari mazhab Maliki dan Imam Abu Hanifah yang membenarkan wakaf untuk tempoh tertentu. Dalam pandangan ini, tempoh wakaf boleh dihadkan tanpa menjejaskan prinsip asas wakaf, selagi ia memenuhi tujuan yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Oleh itu, wakaf boleh dikategorikan sebagai wakaf bertempoh, di mana aset wakaf masih boleh dikendalikan dalam tempoh masa tertentu dengan tujuan untuk memberikan manfaat kepada masyarakat, dan selepas tempoh tersebut, harta boleh dikembalikan kepada pewakaf atau diteruskan mengikut perjanjian asal (Nor et al., 2019). Hal ini menunjukkan fleksibiliti dalam pengurusan wakaf, terutama dalam memenuhi keperluan semasa dan keperluan sosial yang berubah-ubah.

Dalam konteks wakaf amanah, konsep ini menggabungkan elemen wakaf bersyarat dengan pengamanahan, di mana pewakaf memberikan kuasa kepada pengurus amanah untuk menguruskan harta wakaf bagi tujuan yang telah ditetapkan dan waktu pelaksanaannya terikat selepas daripada kematian pewakaf yang mana niat wakaf dilakukan semasa dia masih hidup. Wakaf amanah membolehkan penggunaan harta wakaf untuk tempoh tertentu dengan syarat yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan semasa (Ab Rahman et al., 2020). Seiring dengan perkembangan zaman, wakaf amanah memberi peluang untuk memanfaatkan harta alih 5 seperti wang tunai, saham, dan aset lain yang boleh dipindah milik, serta mengembangkan potensi wakaf dalam bentuk yang lebih dinamik.

Dengan itu, wakaf amanah bukan sahaja menawarkan manfaat jangka panjang, tetapi juga membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup umat Islam secara keseluruhan, seperti yang diutarakan oleh Kahf (1999) dalam membincangkan potensi wakaf sebagai alat pembangunan sosial. Oleh itu, wakaf amanah mencerminkan sebuah pendekatan yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan semasa, di mana prinsip kekekalan dan manfaat berterusan dapat dipenuhi tanpa mengabaikan perubahan dalam keadaan sosial dan ekonomi masyarakat.

PERBEZAAN ANTARA WAKAF TRADISIONAL DAN WAKAF AMANAH

Wakaf Tradisional merujuk kepada bentuk wakaf di mana pewakaf memberikan harta miliknya untuk tujuan kebajikan dengan syarat dan tujuan tertentu yang tidak melibatkan pengurusan yang kompleks. Secara tradisinya, wakaf ini tertumpu kepada pembangunan aset fizikal seperti pembinaan masjid, surau, pusat pengajian agama, dan perkuburan. Dalam konteks ini, pengurusan harta wakaf lebih bersifat langsung dan mudah, di mana tanah atau aset kekal digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan. Hal ini lebih sesuai

dengan masyarakat pada zaman tersebut yang hanya memerlukan pembangunan institusi keagamaan dan kemudahan sosial yang bersifat tetap (Mohamad & Adnan, 2024).

Namun, seiring dengan peredaran zaman, wakaf amanah telah berkembang untuk menjawab keperluan yang lebih kompleks. Wakaf amanah membolehkan pewakaf memberikan harta untuk tujuan kebajikan dengan lebih fleksibel, termasuk penggunaan harta alih seperti wang tunai, saham, dan aset lain yang boleh dipindah milik. Menurut Akta Harta Pusaka Kecil (1995), harta alih yang boleh dijadikan wakaf termasuk wang tunai, saham, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tanpa penama, insurans, takaful tanpa penama, serta produk kewangan lain seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) (Roslan & Ahmad, 2022). Ini membolehkan wakaf tidak lagi terhad kepada harta tidak alih sahaja, tetapi merangkumi pelbagai bentuk aset yang lebih relevan dengan masyarakat moden.

Selain itu, perbezaan wakaf amanah dengan wakaf tradisional adalah bahawa pelaksanaan pengurusan ini hanya akan bermula selepas kematian pewakaf, tetapi niat untuk berwakaf dan pelaksanaan syarat-syaratnya sudah ditetapkan semasa pewakaf masih hidup. Pewakaf perlu melaksanakan niat wakaf ketika dia berada dalam keadaan waras dan tidak koma, untuk memastikan bahawa tindakan tersebut sah di sisi undang-undang dan dapat diterima dalam pengurusan wakaf. Dalam hal ini, pewakaf mempunyai kebebasan untuk menentukan tempoh, tujuan, dan jenis harta yang ingin diwakafkan, sekaligus memberikan fleksibiliti dalam perancangan harta pusaka yang lebih holistik dan terurus. Malahan, wakaf tradisional dan wakaf amanah berbeza pada jenis aset yang disumbangkan serta cara pengurusannya. Wakaf tradisional lebih kepada aset kekal dan memerlukan pengurusan yang lebih mudah, sementara wakaf amanah membolehkan penggunaan pelbagai jenis aset dan melibatkan pengurusan yang lebih profesional dan fleksibel. Di samping itu, wakaf amanah memberi ruang kepada pewakaf untuk menentukan cara harta tersebut digunakan dan dikembangkan melalui pengurusan amanah yang telus dan berkesan.

BAGAIMANA KONSEP AMANAH BOLEH DITERAPKAN DALAM PENGURUSAN HARTA WAKAF

Konsep amanah dalam pengurusan harta wakaf merupakan elemen utama dalam memastikan bahawa wakaf dapat dimanfaatkan dengan cara yang berkesan dan berkekalan, serta mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan harta yang mungkin berlaku. Dalam konteks ini, MAIN (Majlis Agama Islam Negeri) yang berperanan sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengurusan dan pentadbiran harta wakaf dilakukan dengan penuh integriti, kecekapan, dan telus. Perlantikan MAIN sebagai 6 pemegang amanah tunggal bertujuan untuk mengelakkan pelantikan pemegang amanah persendirian yang tidak amanah, serta campur tangan pihak ketiga seperti ahli waris yang boleh menyebabkan kehilangan harta dan menyimpang daripada tujuan asal wakaf (Siti Mashitoh, 2005). Dalam hal ini, keperluan untuk memiliki nazir yang kompeten dan boleh dipercayai sangat penting untuk memastikan pengurusan aset wakaf dilaksanakan secara profesional. Fuqaha menekankan bahawa nazir perlu memiliki kemampuan untuk melaksanakan transaksi yang sah, mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai pengurusan wakaf, dan bertanggungjawab dalam menjaga amanah yang diberikan (Kurniawan & Mohiddin, 2021).

Selain itu, masyarakat juga perlu diberikan peluang untuk terlibat secara aktif dalam penglibatan dan pemeliharaan aset wakaf, dengan tujuan untuk memperkukuhkan rasa memiliki dan tanggung jawab terhadap keberlanjutan projek-projek wakaf. Ini juga akan menggalakkan kemandirian komuniti dalam memanfaatkan sumber daya mereka secara berkekalan (Rusydia et al., 2021). Oleh itu, sistem pengurusan harta wakaf yang produktif memerlukan pendekatan yang holistik, dengan sokongan penuh daripada institusi-institusi seperti JAWHAR dan YWM, serta pembinaan rangka kerja perundangan yang menyeluruh untuk memastikan pengurusan harta wakaf berlandaskan prinsip

amanah dan etika kerja Islam (Khan et al., 2022). Dengan adanya pengurusan yang cekap, harta wakaf bukan sahaja boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan yang telah ditetapkan oleh pewakaf, tetapi juga dapat memberi impak positif kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat secara keseluruhan (Ambrose & Peredaryenko, 2022).

SUMBANGAN WAKAF BERSYARAT SELEPAS KEMATIAN PEWAKAF (WAKAF AMANAH)

Pertama sekali, wakaf amanah secara khususnya tidak ada lagi, tetapi aplikasi wakaf brsyarat (muaqqat) yang terikat dengan syarat bertempoh sudah semakin giat dilakukan usaha bagi penambahbaikan dan menjadikannya relevan untuk digunakan di era kini. Wakaf selepas kematian merupakan instrumen yang berpotensi besar dalam pembangunan ekonomi komuniti kerana ia membolehkan aset wakaf dimanfaatkan secara fleksibel dan dinamik. Melalui pengurusan yang profesional, wakaf bersyarat ini tidak hanya terhad kepada harta tetap seperti tanah dan bangunan, tetapi juga melibatkan wakaf tunai dan pelaburan strategik yang dapat menjana pulangan berterusan. Aset wakaf yang di uruskan dengan cekap boleh digunakan untuk menjana projek-projek pembangunan sosio-ekonomi, seperti sektor perumahan mampu milik, pembinaan infrastruktur, serta institusi pendidikan dan kesihatan. Selain itu, hasil pelaburan wakaf amanah juga boleh memberi manfaat langsung kepada komuniti penerima (maukuf alaih) dengan mewujudkan peluang pekerjaan, memperkukuhkan sektor perniagaan tempatan, dan membantu mengurangkan kadar kemiskinan (Ambrose & Peredaryenko, 2022). Sebagai contoh, wakaf selepas bertempoh boleh digunakan untuk pembangunan perumahan mampu milik yang memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah, meningkatkan kualiti hidup mereka, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Pelaburan wakaf tunai dalam perniagaan halal pula boleh digunakan untuk membiayai projek-projek komuniti penting, sekali gus memajukan kestabilan sosio-ekonomi di peringkat tempatan (Listiana & Masyita, 2020).

KAJIAN KES DARI NEGARA-NEGARA YANG MENGAMALKAN WAKAF AMANAH UNTUK PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1. Malaysia:

Di Malaysia, wakaf amanah telah berkembang pesat dengan sokongan kuat daripada institusi-institusi pengurusan wakaf seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Salah satu contoh terbaik penerapan wakaf amanah adalah penggunaan wakaf tunai untuk membiayai projek pendidikan dan kesihatan. Sebagai contoh, Yayasan Wakaf Malaysia telah berjaya mengumpulkan dana wakaf tunai untuk membina kampus 7 universiti, hospital, serta menyediakan bantuan kewangan untuk pelajar yang kurang mampu (Ellias et al., 2017). Projek seperti Wakaf Pendidikan yang melibatkan pembinaan sekolah dan universiti, serta pemberian biasiswa, membantu meningkatkan taraf pendidikan di kalangan golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Di samping itu, wakaf juga digunakan untuk pembinaan hospital atau klinik yang menawarkan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang lebih rendah terutama ketika pandemik Covid-19 yang membuka ruang kepada wakaf bertempoh dan memyalurkan dana dalam sektor kesihatan, menjadikan ia sumber penting dalam meningkatkan kesihatan masyarakat (Sukmana, 2020).

2. Indonesia:

Indonesia juga telah memanfaatkan konsep wakaf bersyarat untuk pembangunan komuniti, dengan menggunakan wakaf tunai untuk membiayai projek-projek sosial dan ekonomi yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat. Badan Wakaf Indonesia (BWI) telah memainkan peranan penting dalam memanfaatkan wakaf tunai untuk pembangunan sektor pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur (Fajar et al, 2022). Sebagai contoh, BWI menggunakan dana wakaf untuk membiayai pembinaan sekolah, universiti, rumah sakit, dan pusat kesihatan di kawasan luar bandar. Selain itu, wakaf tunai juga

digunakan untuk pembangunan perumahan bagi golongan miskin, yang menyediakan tempat tinggal yang mampu milik, seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Pendekatan ini menggalakkan partisipasi masyarakat dalam pengurusan wakaf dan memberi kesan positif kepada pengurangan kemiskinan. Sumbangan Wakaf Amanah terhadap Sektor Pendidikan, Kesihatan, dan Kemiskinan

3. Singapura:

Singapura, walaupun negara kecil, telah berjaya mengimplementasikan wakaf amanah untuk pembangunan sosio-ekonomi melalui beberapa projek sosial yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Salah satu contoh penting adalah penggunaan wakaf tunai untuk membina dan menyelenggara masjid serta pusat komuniti yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada masyarakat. Dana wakaf juga digunakan untuk program-program pendidikan seperti beasiswa kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, serta untuk menyediakan kemudahan kesihatan di komuniti yang memerlukan (Ab Rahman et al., 2024). Singapura menekankan pengurusan profesional dalam wakaf amanah, yang membantu memastikan bahawa aset wakaf dijaga dengan baik dan memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat.

CABARAN DAN ISU PENGURUSAN WAKAF BERSYARAT (MUAQQAT) SELEPAS KEMATIAN

Pengurusan wakaf bersyarat (muaqqat) selepas kematian menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya berkaitan dengan perundangan dan peraturan yang mengatur pengurusan harta wakaf. Di kebanyakan negara Islam, peraturan wakaf tradisional sering kali tidak mencukupi untuk menangani tuntutan dan keperluan pengurusan wakaf bersyarat moden, yang melibatkan pelaburan dan pengurusan hasil wakaf. Sebagai contoh, di Malaysia, perbezaan peraturan antara negeri-negeri sering menyebabkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan wakaf bersyarat selepas kematian. Setiap negeri mempunyai peraturan tersendiri mengenai pengurusan wakaf, yang menyebabkan kekeliruan dalam pelaksanaan serta menghalang efisiensi pengurusan. Menurut Sano & Kassim (2021), kekurangan undang-undang yang seragam ini menghalang pengurusan wakaf yang lebih efisien serta mewujudkan birokrasi yang melambatkan pelaksanaan projek wakaf. Isu kawalan dan pemantauan yang tidak efektif juga menjadi cabaran besar, kerana kekurangan peraturan yang mengatur pengurusan harta wakaf bersyarat dan penggunaan hasilnya boleh menyebabkan penyelewengan dan ketidakcekapan dalam pengurusan aset wakaf (Sano & Kassim, 2021).

Kekurangan kepakaran dalam pengurusan wakaf bersyarat selepas kematian juga merupakan cabaran yang ketara. Pengurusan wakaf memerlukan pengetahuan yang mendalam mengenai kedua-dua aspek kewangan dan prinsip syariah. Namun, kekurangan individu yang terlatih dalam kedua-dua bidang ini menyebabkan pengurusan wakaf kurang profesional dan tidak memenuhi piawaian yang diperlukan. Menurut Abd Mutalib & Maamor (2016), banyak institusi yang menguruskan wakaf di negara-negara Islam mengalami kekurangan dalam tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam pengurusan pelaburan dan kewangan. Selain itu, penggunaan teknologi moden untuk pengurusan harta wakaf juga masih terhad. Kekurangan infrastruktur teknologi menghalang pengurusan aset wakaf yang lebih efisien dan telus. Cizakca (1998) mencatatkan bahawa kebanyakan institusi wakaf di dunia Islam masih belum mengimplementasikan sistem digital yang boleh membantu dalam memantau dan mengurus aset wakaf dengan lebih cekap.

Untuk memastikan wakaf bersyarat selepas kematian dapat dilaksanakan dengan berkesan, beberapa langkah boleh diambil. Di Malaysia, usaha untuk menyeragamkan peraturan wakaf antara negeri perlu dilaksanakan. Undang-undang yang menyeluruh mengenai pengurusan wakaf tunai, pelaburan wakaf, serta penggunaan hasil wakaf perlu digubal agar ia dapat diurus dengan lebih efisien dan teratur. Rangka kerja ini juga perlu menetapkan piawaian tadbir urus dan kawal selia yang ketat untuk mengelakkan

penyelewengan. Institusi pengurusan wakaf perlu melabur dalam latihan berterusan untuk pekerja dalam bidang pengurusan kewangan, pelaburan, serta pemahaman mendalam mengenai prinsip syariah. Dengan latihan yang tepat, pengurusan aset wakaf dapat dilakukan dengan lebih profesional dan mengikut standard yang ditetapkan (Abd Mutalib & Maamor, 2016). Penggunaan teknologi moden seperti sistem maklumat geografi (GIS) dan platform digital untuk memantau dan mengurus aset wakaf dengan lebih telus dan cekap amat penting. Penggunaan teknologi blockchain, misalnya, dapat memastikan bahawa semua transaksi berkaitan dengan harta wakaf adalah telus dan tidak boleh dimanipulasi. Terakhir, institusi pengurusan wakaf perlu bekerjasama dengan bank-bank Islam atau syarikat pelaburan patuh syariah untuk menguruskan dana wakaf secara lebih profesional dan mengikut prinsip pelaburan syariah. Pelaburan yang selamat dan menguntungkan dapat meningkatkan hasil wakaf, yang seterusnya memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat (Sano & Kassim, 2021).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Wakaf bersyarat selepas kematian (wakaf amanah) merupakan instrumen yang berpotensi besar dalam pembangunan sosio-ekonomi, tetapi untuk memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan dan memenuhi tujuannya, beberapa cabaran utama perlu diatasi, terutamanya dalam aspek perundangan, pengurusan, dan kesedaran masyarakat. Salah satu cabaran terbesar adalah ketidakseragaman peraturan antara negeri-negeri di Malaysia mengenai pengurusan wakaf, yang menghalang pelaksanaan yang sistematik dan teratur (Dikuraisyin, 2020). Di samping itu, ketidaksempurnaan rangka kerja undang-undang yang mengatur wakaf tunai, pelaburan wakaf, dan pemantauan hasil wakaf menyebabkan pengurusan menjadi kurang cekap, membuka ruang kepada penyelewengan dan ketidakcekapan (Kader, 2016). Bagi mengatasi cabaran ini, cadangan pertama adalah untuk mewujudkan rangka kerja undang-undang yang lebih seragam di seluruh negara, yang merangkumi aspek pengurusan aset wakaf, serta pelaburan dan penggunaan hasil wakaf bagi tujuan pembangunan komuniti. Langkah ini akan meningkatkan kecekapan pengurusan wakaf serta memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara negeri-negeri, sekali gus meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem wakaf.

Selain itu, penglibatan aktif pihak kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam menyokong pelaksanaan wakaf bersyarat selepas kematian adalah penting. Kerajaan boleh menyediakan insentif seperti pengecualian cukai atau dana tambahan bagi institusi wakaf yang melaksanakan projek-projek wakaf yang memberi manfaat besar kepada masyarakat, terutamanya dalam sektor pendidikan, kesihatan, dan pemberdayaan ekonomi (Shafiai et al, 2013). Dengan sokongan kewangan dan undang-undang yang kukuh, pelaksanaan wakaf amanah dapat dilaksanakan secara lebih teratur dan memberi impak yang lebih besar. Pihak 9 kerajaan juga boleh memperkenalkan kempen kesedaran awam mengenai manfaat wakaf sebagai instrumen pembangunan berkesinambungan, yang bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima tetapi juga meningkatkan ekonomi negara.

Pengurusan wakaf amanah memerlukan tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan dan prinsip syariah. Namun, kekurangan individu yang terlatih dalam kedua-dua bidang ini menyebabkan pengurusan wakaf sering dilakukan tanpa mengikut piawai yang betul (Shafiai et al, 2013). Oleh itu, penting untuk melabur dalam latihan dan pembangunan kepakaran dalam kalangan mereka yang terlibat dalam pengurusan wakaf. Kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan organisasi wakaf boleh menyediakan kursus khusus dalam pengurusan wakaf yang menggabungkan prinsip kewangan dan syariah, serta penggunaan teknologi dalam pengurusan aset wakaf (Cizakca, 2020). Ini akan memastikan pengurusan yang lebih efisien dan mengurangkan risiko ketirisan dalam pengurusan aset.

Penggunaan teknologi moden juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan wakaf. Teknologi seperti blockchain

dan sistem maklumat geografi (GIS) boleh digunakan untuk memantau aset wakaf dengan lebih telus dan efisien, sekaligus memastikan transaksi dan aliran dana wakaf dapat diselia dengan lebih baik (Cizakca, 2011). Dengan menggunakan teknologi ini, institusi wakaf dapat memberikan laporan yang lebih terperinci dan tepat kepada pihak berkepentingan, serta mengelakkan risiko penyalahgunaan dana. Oleh itu, kerajaan dan MAIN perlu bekerjasama untuk menyediakan infrastruktur yang menyokong penggunaan teknologi digital dalam pengurusan wakaf, memastikan pengurusan yang lebih teratur dan telus.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, wakaf bersyarat selepas kematian atau wakaf amanah memiliki potensi yang besar dalam memperkasa pengurusan harta pusaka serta pembangunan sosio-ekonomi, terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan memberi manfaat yang berterusan kepada komuniti. Wakaf ini bukan hanya berfungsi sebagai instrumen untuk pemberian amal jariah tetapi juga sebagai pemangkin dalam memperkukuh sektor pendidikan, kesihatan, dan kemiskinan, serta menyokong pembangunan ekonomi yang mampan. Namun, untuk memastikan impak yang optimum, pelaksanaan wakaf amanah memerlukan sokongan yang kukuh daripada pelbagai pihak, termasuk kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan pihak-pihak berkepentingan lain. Kerajaan perlu memastikan rangka kerja undang-undang yang jelas dan seragam di seluruh negara, supaya pengurusan wakaf dilaksanakan dengan lebih telus dan konsisten. Selain itu, meningkatkan latihan dan pembangunan kepakaran dalam pengurusan wakaf juga adalah penting untuk memastikan pemegang amanah wakaf dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh profesionalisme dan mengikut prinsip syariah. Penggunaan teknologi moden, seperti sistem maklumat digital dan teknologi blockchain, juga perlu diintegrasikan untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pemantauan aset wakaf (Cizakca, 1998).

Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa kekurangan yang perlu diambil kira untuk kajian-kajian yang akan datang. Salah satu kekurangan utama adalah kekurangan analisis yang mendalam mengenai impak sosial dan ekonomi wakaf amanah di peringkat mikro, iaitu bagaimana ia memberi manfaat secara langsung kepada individu dan keluarga dalam komuniti tertentu. Kajian lanjut boleh meneliti kes-kes kajian di peringkat tempatan untuk melihat keberkesanan wakaf amanah dalam memenuhi keperluan khusus komuniti dan apakah faktor-faktor yang menyokong atau menghalang kejayaan pengurusan wakaf ini. Di samping itu, kajian masa depan perlu memberi perhatian kepada cabaran dalam pelaksanaan wakaf tunai dan pelaburan, terutama berhubung dengan ketidakpastian pasaran dan cara-cara untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pelaburan tersebut. Dalam konteks ini, kajian 10 tentang model-model pelaburan yang lebih selamat dan beretika dalam wakaf tunai boleh menjadi satu bidang yang penting.

Oleh itu, kajian mendalam mengenai semua aspek yang disebutkan ini amat penting untuk memaksimumkan potensi wakaf amanah sebagai alat pengurusan harta dan pembangunan yang berkesan dan menyeluruh. Dalam usaha ini, sokongan yang padu daripada kerajaan, badan-badan berkuasa, serta masyarakat, adalah kunci untuk memastikan wakaf amanah dapat dijalankan dengan telus, efisien, dan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan bertajuk "Pembangunan Model Wakaf Amanah Di Malaysia: Kajian Asas Terhadap Kelestarian Ekonomi Umat Islam (FRGSEC/1/2024/SSI03/UITM/02/15)". Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana memperuntukkan dana untuk projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad Termizi. (2019). *Rancang Harta: Hibah, Wakaf dan Wasiat*. Kuala Lumpur: Pustaka Mizi
- Ambrose, F., & Peredaryenko, M. (2022). *Innovative Financing Models in Islamic Social Finance: Waqf and Beyond*.
- Hassan, A., & Shahid, M. (2010). *Management and Development of the Awqaf Assets*. Thomson Reuters.
- Listiana, L., & Masyita, D. (2020). *Awqaf: Its ASEAN experiences and a lesson to learn*. In M. Billah (Ed.), *Awqaf-led Islamic Social Finance: Innovative Solutions to Modern Applications* (pp. 234–244). Routledge.
- Muslim, H. (1998). *Sahih Muslim*. India: Islamic Book Service.
- Pervin, S., Ismail, N., & Noman, A. H. M. (2021). *Islamic Microfinance: A Tool of Alleviating Poverty and Ensuring Economic Peace*. Springer International Publishing
- Rosadi, A. (2019). *Zakat dan Wakaf: Konsepsi Regulasi, dan Implementasi*. Simbiosis Rekatama Media.
- Weiss, H. (2020). *Muslim NGOs, Zakat and the Provision of Social Welfare in Sub-Saharan Africa: An Introduction*. In *Muslim Faith-Based Organizations and Social Welfare in Africa*, 1-38. Palgrave Macmillan, Cham.

Prosiding

- Hassan, A., & Shahid, M. A. (2010). *Management and development of the awqaf assets*. Seventh International Conference—The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, pp. 309-328.
- Kahf, M. (1999). Towards the revival of awqaf: new fiqhi issues to reconsider. Harvard Forum on Islamic Finance and Economics, Harvard University, Cambridge.
- Kahf, M. (2003). The role of waqf in improving the ummah's welfare. International Seminar on Waqf as a Private Legal Body, Islamic University of North Sumatra, Medan, Indonesia.

Jurnal

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Mohamad Suhaimi, F., & Ab Rahim, S. F. (2024). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 15(1), 56-78.
- Abd Mutalib, H., & Maamor, S. (2016). Utilization of waqf property: Analyzing an institutional Mutawalli challenges in management practices. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(7), 36-41.
- Allamah, R., Sudiarti, S., & Saputra, J. (2021). Peran Zakat, Infaq, Shadaqah dan Wakaf dalam Memberdayakan Ekonomi Ummat. *Al-Sharf: Jurnal Ekonomi Islam*, 2(1), 35-46.
- Chen, S. J., & Chen, S. M. (2007). Fuzzy risk analysis based on the ranking of generalized trapezoidal fuzzy numbers. *Applied Intelligence*, 26(1), 1-11.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- Cizakca, Murat. (1998). Awqaf in history and its implications for modern Islamic economies. *Islamic economic studies*, 6(1), 6-49.
- Dikuraisyin, B. (2020). Manajemen Aset Wakaf Berbasis Kearifan Lokal Dengan Pendekatan Sosio-Ekonomi di Lembaga Wakaf Sabilillah Malang. *Ziswaf: Jurnal Zakat Dan Wakaf*, 7(2), 100-117.
- Fajar, M., Tjahjono, H. K., Nugroho, S., & Yuhana, M. A. (2022). Demographic determinants of charity donors and its implication for cash waqf institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Social and Economic Development*, 12(4), 15-25.

- Hasan, A. & Sulaiman, S. (2016). The use of Islamic real estate investment trust (I-REITs) as a contemporary instrument in developing waqf assets: potential structure, issues and challenges. *Intellectual Discourse, Special issue*, 521-540.
- Ihsan, H., & Hameed Hj. Mohamed Ibrahim, S. (2011). WAQF accounting and management in Indonesian WAQF institutions: The cases of two WAQF foundations. *Humanomics*, 27(4), 252-269.
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2016). Innovation vs. Replication: Some Notes on the Evolution of Islamic Finance Products. *Islamic Finance: Challenges and Opportunities. Al-Jamiah Journal of Islamic Studies*, 54(2), 249-272.
- Mohammad, M. T. S., & Iman, A. H. M. (2006). Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the Recommended Alternative. *Malaysian Journal of Real Estate*, 1(1), 27-38.
- Mohiddin, M. N., & Kurniawan, C. S. (2022). [The Potential of Waqf In Facing The Covid19 Pandemic] Potensi Wakaf dalam Menghadapi Pandemi Covid19. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 6(1), 22-32.
- Nadwi, M.A. (2015). A new framework of corporate governance for waqf: a preliminary proposal. *Islam and Civilisational Renewal*, 6(3), 353-370.
- Nor, M. Z. B. M., Azahar, A., & Mohamad, A. M. (2019). Legal Impact On Waqf For Property Development And Commercialisation: Court Judgements Analysis. *Journal of Islamic*, 4(26), 77-86.
- Sukmana, A. (2020). Case Studies of Waqf in Developing Countries: Impact on Community Welfare.
- Sulaiman, S. (2008). Islamic legal ruling on the development of waqf khas land from the Shari'ah perspective. *Jurnal Muamalat*, 1(12), 45-64.
- Zuki, M. S. M. (2012). Waqf and its role in socio-economic development. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4(2), 173-178

Internet

- Yayasan Wakaf Malaysia. (2024). Pengenalan dan produk wakaf di Malaysia. Yayasan Wakaf Malaysia. <https://ywm.gov.my/> (diakses pada oktober 2024).
- Ellias, M. R. F., Kadir, A. F., & Haron, M. N. (2017). Parameter syariah untuk wakaf tunai. https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Paramater_Syariah_Wakaf_Tunai.pdf (diakses pada oktober 2024).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.